



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN JOHOR

ACCON 2012
ACADEMIC CONFERENCE

THE 8th UITMCJ
ACADEMIC CONFERENCE

Globalisation and Dynamics
Towards a World Class University

CD PROCEEDING

ACCON 08

Penyelenggara:

Rohani binti Jangga

Ainol Hasanah bin Jalaluddin

Dr. Carolyn Soo Kum Yoke

Noridah binti Sain

Terbitan:

BPJIA UiTM Cawangan Johor

2012

Cetakan Pertama 2012

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada BPJIA UiTM Johor.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

CD Proceeding for ACCON 08

8th Academic Conference, UiTM Johor

1. Proceeding

ISBN 978-967-0479-03-3

Diterbitkan oleh:

Bahagian Penyelidikan Jaringan Industri dan Alumni
UiTM Cawangan Johor
KM 12 Jalan Muar
85000 Segamat
JOHOR DT

Dicetak oleh:

Percetakan Segamat

Jalan Orkid
85000 Segamat
JOHOR DT

Pereka grafik: Unit Korporat dan Media
UiTM Johor

CONTENT

CLICK ON THE TITLE TO LINK TO THE FULL PAPER.

***A=Accounting; B= Information Management, Marketing & Management; C=Economy & Finance; D= FSKM; E=Other Discipline (CITU, APB, LAW)**

NOS.	REF.*	TITLE	AUTHOR
1.	E103	Penglibatan Syarikat Swasta Di Malaysia, Singapura Dan Indonesia Dalam Mengembangkan Potensi Harta Wakaf: Suatu Perbandingan	Mohd Ali Muhamad Don
2.	E104	Acquisition Of Verb-Tenses Among Esl Lecturers: An MDAB Pilot Study	1. Dr Carolyn Soo Kum Yoke 2. Nor Haniza Hasan
3.	A105	Tax Knowledge And Tax Compliance Among Self-Employed In Malaysia	1. Fatimah Alwi 2. Noraizah Abu Bakar
4.	B106	Knowledge Management Initiatives For Sirim Berhad	1. Siti Nuur-Ila Mat Kamal 2. Zainab Sulaiman
5.	B108	Managing Public Transport Service Operation In Reducing Travel Fear Factor	1. Rohana Sham 2. Mashita Sham 3. Khairunnisa Rahman 4. Nurazlina Samsudin
6.	C109	Employees' Perspective Of Ethics	1. Rabiatul Alawiyah Zainal Abidin 2. Raziah Bi Mohamed Sadique 3. Dr. Norhayati Alias 4. Pn Noraizah Abu Bakar
7.	E110	Using Online Corrective Feedback In The Editing Stage Of Academic Writing Among ESL undergraduates	1. Cecilia Bai Rajendran 2. Dr. Carolyn Soo Kum Yoke 3. Noridah Sain 4. Puteri Nur Hidayah Kamaludin 5. Sofwah Md Nawi 6. Suhaili Mohd Yusof

8.	B113	Cointegration And Causality Between Overnight Policy Rate And Commercial Bank Rate	<ol style="list-style-type: none"> 1. Abdul Razak Bin Jambari 2. Azizah Binti Daut 3. Noranita Abdamia
9.	C115	Energy Consumption, Gross Domestic Product, Foreign Direct Investment And Co2 Emission In Malaysia	<ol style="list-style-type: none"> 1. Mohd Azim Sardan 2. Azman Ali 3. Tan Yan Ling 4. Abdul Razak Jambari
10.	C118	Systematic Risk Of Malaysian Stock	<ol style="list-style-type: none"> 1. Tay Bee Hoong 2. Tan Yan Ling 3. Nur'asyiqin Ramdhan 4. Zulkifli Mohamed
11.	B119	The Impact Of Semantic Web On Digital Libraries Development	<ol style="list-style-type: none"> 1. Muhammad Asyraf Bin Wahi Anuar 2. Isma Bin Ishak
12.	E120	Penggunaan Kata Kerja Kini (الفِعل المُضارع) Dalam Al-Quran Dari Sudut Masa	Abd Rahman Jamaan
13.	B128	Pusat Sumber Sekolah Sebagai Ejen Kecemerlangan Sijil Pelajaran Malaysia (Spm): Kajian Ke Atas Pelajar Baru Sesi Disember-April 2010, UiTM , Johor	<ol style="list-style-type: none"> 1. Nor Diana Bte Abd. Rahman 2. Nor Ezan Bin Omar 3. Zailani Bin Shafie
14.	E129	Pengurusan Zakat Di IPTA : Pengalaman Dan Cabaran di UiTM	<ol style="list-style-type: none"> 1. Nazrudin Bin Hashim 2. Mohd Zainoddin Bin Mustaffa
15.	E130	Kajian Ke Atas Penggunaan Partikel Mod UiTM al Pelajar Johor Dalam Pembelajaran Bahasa Mandarin	Chong Peng Hwa
16.	B135	A Case Study Of Digi Telecommunications Sdn Bhd Strategic Marketing Analysis	<ol style="list-style-type: none"> 1. Rohanizan Md Lazan 2. Roslina Ali 3. Shaherah Abd Malik 4. Rabiatal Alawiyah Zainal Abidin
17.	B138	Entrepreneurial Strategic Alliances And Partnership Of Marketing And Retailing In Small And Medium Enterprises In Agro Sapling Supply Chain	<ol style="list-style-type: none"> 1. Shaherah Abd. Malik 2. Wan Haslin Aziah 3. Syaidatul Zarina Mat Din 4. Roha Mohamed Noah 5. Norhayati Omar

18.	D139	Student Timetable Asistant System (Stasys)	<ol style="list-style-type: none"> 1. Noor Azrin Binti Zainuddin 2. Nafisah Binti Jamingan @ Amin 3. Mohamad Azlan Shah Bin Mohamed Azman
19.	E141	Using Readers Theatre To Improve Reading Fluency And Comprehension	<ol style="list-style-type: none"> 1. Evelyn Sharminnie Vasuthavan 2. Dr Carolyn Soo Kum Yoke 3. S Kunaratnam Sita Raman 4. Nor Haniza Hasan 5. Cecilia Bai Rajendran 6. Noridah Sain
20.	A142	How Quantitative And Qualitative Of Data Research Can Be Embedded Together?	<ol style="list-style-type: none"> 1. Dr. Norhayati Alias 2. Pn Noraizah Abu Bakar
21.	B143	Preliminary Study On Social Network Among Malay Smes Entrepreneurs: Gender Differences	<ol style="list-style-type: none"> 1. Oswald Timothy Edward 2. Ehsan Fansuree Surin
22.	E144	Penambahbaikan Pembelajaran Di Sekolah Agama Kerajaan Negeri Johor: Kajian Pelaksanaan Sistem Anjal	<ol style="list-style-type: none"> 1. Prof. Madya Ahmad Nawawi Yaakob 2. Nor Rashidah Mohamed
23.	E137	Representasi Semantik Lewat Adat-Istiadat Perkahwinan Dalam Alam Minangkabau	Ainol Hasanah Bin Jalaluddin

**PUSAT SUMBER SEKOLAH SEBAGAI EJEN KECEMERLANGAN
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA: KAJIAN KE ATAS PELAJAR BARU
SESI DISEMBER-APRIL 2010, UiTM , JOHOR**

Nor Diana bte Abd. Rahman¹

Nor Ezan bin Omar²

Zailani bin Shafie³

^{1,2,3}Universiti Teknologi MARA Cawangan Johor

ABSTRAK

Pusat sumber sekolah adalah institusi yang paling utama di dalam sistem pendidikan negara kerana peranan yang dimainkannya sebagai tempat menyediakan bahan, khidmat, kemudahan pengajaran dan pembelajaran. Kajian yang dijalankan juga menunjukkan pelajar bersetuju bahawa kejayaan mereka di dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia(SPM) adalah disebabkan peranan yang telah dimainkan oleh pusat sumber sekolah. Kajian ini juga akan membantu pihak sekolah dan Kementerian Pelajaran Malaysia di dalam menilai kembali keperluan yang harus diperhalusi terutamanya dari aspek koleksi, kemudahan yang disediakan dan juga kakitangan di dalam memastikan pusat sumber sekolah akan sentiasa menjadi lokasi kunjungan utama bagi pelajarinya. Hasil kajian juga mendapati adanya keperluan untuk menempatkan pustakawan profesional yang berkelayakan di dalam bidang sains perpustakaan untuk mengendalikan sepenuhnya pusat sumber sekolah. Langkah ini perlu bagi memastikan pusat sumber sekolah ditadbir oleh mereka yang berkelayakan dan seterusnya membolehkan para guru lebih fokus dengan pengajaran di dalam kelas

BAB 1 PENGENALAN

1.1 Latarbelakang

Semua guru sedia maklum mengenai Pusat Sumber Sekolah atau PSS. Dahulunya PSS dikenali sebagai perpustakaan. Namun pada awal tahun 80an, konsep pusat sumber sekolah telah mula diperkenalkan di Malaysia. Maka perpustakaan di semua sekolah seluruh negara telah ditukarkan nama kepada Pusat Sumber Sekolah (PSS).

Pusat Sumber Sekolah adalah sebuah institusi sosial yang penting untuk membolehkan orang ramai mendapatkan bahan bacaan yang diperlukan untuk tujuan meningkatkan keilmuan pelajar dan taraf profesionalisme keguruan . Bahan bacaan yang dirujuk pada masa kini adalah samada dalam bentuk bercetak mahupun bahan bukan bercetak. Bahan bercetak adalah seperti buku, suratkhbar, majalah dan sebagainya. Manakala bahan bukan bercetak adalah seperti kaset, cakera padat dan juga internet. Kegunaan ilmu di dalam bahan bacaan tersebut adalah pelbagai, antaranya sebagai bacaan pembelajaran, pengajaran, penyelidikan ataupun untuk tujuan rekreasi.

Asiah (1976) berpendapat pusat sumber sekolah ialah sebuah institusi pelajaran di sesebuah sekolah yang berperanan untuk memberi perkhidmatan kepada pelajar-pelajar. Dengan ini dapat disimpulkan bahawa, buku dan bahan bacaan lain berfungsi sebagai gedung ilmu dan mempunyai kaitan langsung dengan proses pendidikan di sekolah-sekolah khususnya (Mat Jizat 1983 dan Ee1995).

Pihak kerajaan melalui Kementerian Pendidikan juga telah memainkan peranan yang penting di dalam membantu memperkasakan pusat sumber agar fungsinya di dalam membantu pembelajaran pelajar akan terus diperkembangkan dengan memindahkan Unit Perkhidmatan Perpustakaan Sekolah. Unit ini telah berpindah dari bahagian sekolah-sekolah ke Bahagian Teknologi Pendidikan (BTP) sebagai seksyen Pusat Sumber Teknologi Pendidikan. Perpindahan ini bertujuan untuk memajukan perkhidmatan pusat sumber sekolah sebagai khidmat yang bersepadu dan berkesan dalam pengajaran dan pembelajaran. Langkah ini selaras dengan usaha meninggikan mutu pendidikan yang menekankan penerapan teknologi pendidikan, mempertingkatkan pembacaan dan tabiat membaca yang berterusan, sejajar dengan konsep pendidikan sepanjang hayat dan pemupukan budaya ilmu.

Untuk meningkatkan lagi keberkesanan sistem pendidikan, Kementerian Pendidikan telah membekalkan kemudahan-kemudahan asas dalam bentuk fizikal, koleksi, dan perkhidmatan ikhtisas kepada pusat sumber melalui peruntukan pembangunan tempatan dengan menggunakan Pinjaman Bank Dunia Ke 8. Satu usaha untuk mendesentralisasikan konsep asas proses pengajaran dan pembelajaran telah diwujudkan di peringkat negeri, daerah dan sekolah. Tujuannya ialah memaksimumkan kesan dan hasil pengajaran dan pembelajaran melalui penggunaan pusat sumber oleh para guru dan pelajar.

1.2 Peranan Pusat Sumber Sekolah

Pusat sumber sekolah seharusnya dijadikan fasilitator supaya pertukaran kemahiran dan nilai di kalangan pendidik dapat dilaksanakan dengan sempurna. Diantara peranan pusat sumber masakini ialah:

- 1.2.1 Sebagai pusat yang memberi dan menyediakan sumber-sumber pendidikan, seperti bahan-bahan rujukan dalam bentuk bercetak dan elektronik, iaitu untuk kegunaan pinjaman para guru, serta memberi khidmat nasihat, kepakaran dan segala kemudahan yang berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran. Contohnya, menyediakan, mengubah suai dan menggunakan sumber-sumber pengajaran dan pembelajaran dan alatan.
- 1.2.2 Sebagai pusat perkembangan kurikulum untuk meningkatkan kemahiran mengajar dan belajar melalui projek-projek khas serta untuk mengenal pasti halangan-halangan pengajaran dan pembelajaran bagi membolehkan guru-guru mengatasinya.
- 1.2.3 Sebagai pusat sosial dan rekreasi iaitu tempat yang membolehkan para guru berkomunikasi dan bertukar-tukar idea.
- 1.2.4 Sebagai pusat rujukan untuk mendapatkan maklumat bahan, tenaga, dan contoh serta sebagai direktori pakar-pakar tertentu.
- 1.2.5 Sebagai pusat pengembangan potensi pelajar supaya menjadi menjadi insan yang seimbang dan seterusnya melatih pembelajaran sepanjang hayat. (Aidah, 2002)

1.3 Definisi Perpustakaan dan Pusat Sumber

Definisi perpustakaan atau pusat sumber telah melalui revolusi dari masa ke semasa sejak permulaan penggunaannya pada tahun 1374. Berikut ialah beberapa pengertian perpustakaan:

- 1.3.1 “Library” atau perpustakaan oleh The Oxford English Dictionary pada tahun 1374 bermaksud “suatu tempat buku-buku diatur untuk dibaca, dipelajari atau digunakan sebagai bahan rujukan”.
- 1.3.2 Pengertian perpustakaan ini pada abad ke-19 berkembang menjadi “suatu gedung,ruangan atau sejumlah ruangan yang berisi koleksi buku yang dipelihara dengan baik,dapat digunakan oleh masyarakat atau golongan masyarakat tertentu.
- 1.3.3 Pada tahun 1970, The American Library Association menggunakan istilah perpustakaan sebagai suatu pengertian yang luas iaitu termasuk pengertian “pusat media, pusat belajar, pusat sumber pendidikan, pusat informasi, pusat dokumenstasi dan pusat rujukan”.

Pada masa kini perpustakaan juga telah dikenali sebagai Pusat Sumber. Pusat Sumber ialah istilah yang diberikan kepada integrasi antara perpustakaan buku dengan perkhidmatan pandang dengar menjadi sebagai satu unit yang bersepadu. Dari sudut yang lain, pusat sumber ialah satu organisasi yang antara lainnya berperanan untuk mengumpul, memilih, menyusun dan menyebarkan alat-alat dan bahan pengajaran dan pembelajaran sama ada dalam bentuk buku atau bahan bukan buku dengan cara yang aktif dan berkesan.

1.4 Objektif kajian

Objektif kajian ini ialah untuk mengkaji penggunaan pusat sumber sekolah di dalam memacu kecemerlangan pelajar di dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Kajian ini dibuat ke atas pelajar yang mendaftar di Universiti Teknologi MARA, Johor bagi sesi Disember-April 2010. Manakala objektif khusus bagi kajian ini ialah untuk mengenalpasti beberapa perkara berikut:

- 1.4.1 Mengetahui samada pusat sumber sekolah benar-benar membantu kecemerlangan pelajar di dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).
- 1.4.2 Mengetahui kekerapan pelajar menggunakan Pusat Sumber Sekolah.
- 1.4.3 Mengetahui kemudahan dan koleksi yang disediakan di Pusat Sumber Sekolah.
- 1.4.4 Mengetahui masalah yang dihadapi oleh pelajar terhadap perkhidmatan yang disediakan.
- 1.4.5 Menenalpasti keperluan pegawai professional di dalam mengendalikan pusat sumber sekolah.

1.5 Kepentingan Projek

Maklumbalas dan panduan dari kajian ini amat penting kepada seluruh sistem pusat sumber sekolah khususnya yang ada kaitan dengan aspek yang diselidiki. Di antara kepentingan projek ialah:

- 1.5.1 Hasil kajian ini diharap dapat menyedarkan para pelajar ke atas kepentingan pusat sumber dan seterusnya meningkatkan tahap penggunaan pusat sumber sekolah di seluruh negara.

- 1.5.2 Hasil kajian juga diharap dapat membolehkan pihak Kementerian Pendidikan mewajibkan pihak sekolah supaya memperuntukkan masa kelas untuk membawa pelajar ke pusat sumber sekolah.
- 1.5.3 Hasil kajian akan membolehkan pihak sekolah mempertimbangkan supaya pusat sumber sekolah dapat dibuka pada hari cuti umum dan cuti sekolah.
- 1.5.4 Hasil kajian akan dapat membantu pihak pentadbir sekolah dan Kementerian Pendidikan di dalam menilai faktor-faktor yang mempengaruhi penggunaan pusat sumber sekolah.
- 1.5.5 Hasil kajian akan membolehkan penyelidik lain membuat kajian lanjutan dari aspek yang berbeza.
- 1.5.6 Hasil kajian akan dapat dijadikan sumber rujukan dan panduan di dalam pembinaan dan pembangunan pusat sumber sekolah di seluruh Negara.
- 1.5.7 Hasil kajian akan dapat dijadikan asas bagi mencapai tahap kepuasan pembelajaran dan pengajaran pelajar dan guru.
- 1.5.8 Hasil kajian akan dapat membantu masyarakat di dalam melihat keberkesanan pusat sumber sekolah di dalam menjana kecemerlangan pelajar dan sekolah khususnya.
- 1.5.9 Hasil kajian akan dapat dijadikan ukuran tahap penggunaan pusat sumber sekolah oleh pelajar.
- 1.5.10 Hasil kajian akan dapat digunakan sebagai bahan bacaan umum mahupun akademik.

1.6 Skop projek

Batasan kajian ini penting kepada semua pembaca agar tidak membuat rumusan secara keseluruhan selain daripada lokasi kajian sahaja. Ini adalah kerana:

- 1.6.1 Kajian ini hanya memberi tumpuan kepada 299 responden yang terdiri pelajar lelaki dan perempuan dari pelbagai fakulti yang ditawarkan tempat di Universiti Teknologi MARA, Johor bagi pengambilan sesi Disember- April 2010
- 1.6.2 Kajian ini hanya melihatkan pelajar sesi Disember- April 2010 di Universiti Teknologi MARA, Johor dan bukanlah menggambarkan kecemerlangan pelajar di mana-mana cawangan Universiti Teknologi MARA di seluruh negara.
- 1.6.3 Kajian ini hanya melihatkan pelajar sesi Disember- April 2010 di Universiti Teknologi MARA, Johor dan bukanlah menggambarkan kecemerlangan pelajar di semua institusi pengajian tinggi lain samada awam mahupun swasta di seluruh negara.

1.7 Definisi Terma dan Konsep

Terma dan konsep yang disenaraikan berikut didefinisikan bagi tujuan rujukan di sepanjang kajian ini:

1.7.1 Pusat sumber sekolah

Pusat Sumber Sekolah (PSS) adalah “satu tempat terkumpulnya berbagai-bagai alat dan bahan media pendidikan yang dikelaskan, dikatalogkan, dan disusun atur bagi memudahkan pengguna. Ia juga adalah tempat untuk warga sekolah berkumpul, berunding, memilih, merencana, menerbit dan menggunakan alat pengajaran demi meningkatkan lagi proses pengajaran dan pembelajaran”.

Sementara Mok (2008) merumuskan pusat sumber sekolah sebagai “sebuah tempat yang mempunyai ruang kemudahan fizikal, koleksi bahan bercetak dan bukan cetak, serta dikendalikan oleh sebuah jawatankuasa pengurusan institusi pendidikan dengan tujuan menawarkan perkhidmatan pendidikan melalui usaha mengumpul, menyimpan dan menyebarkan sumber maklumat pendidikan, disamping menganjur aktiviti pengajaran dan pembelajaran”.

1.7.2 Pelajar baru

Pelajar baru bermaksud pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang mendaftar masuk ke Universiti Teknologi MARA, Johor bagi sesi pengambilan Disember-April 2010.

1.7.3 Sijil Pelajaran Malaysia

“Sijil Pelajaran Malaysia” adalah peperiksaan yang wajib di duduki oleh pelajar sekolah menengah di tingkatan lima di dalam sistem pendidikan Malaysia.

1.7.4 Agen kecemerlangan

“Agen kecemerlangan” bermaksud pemangkin atau punca atau penyebab yang mendorong ke arah kecemerlangan pelajar di dalam peperiksaan.

BAB 2 KAJIAN TERDAHULU

2.1 Kesusasteraan Kajian Terdahulu

Merujuk kepada Encyclopedia Britanica, pusat sumber sekolah dimaksudkan sebagai “**a collection of written printed or other graphic material (including film, slides, photograph records and tapes) organized for use**”. Penyataan ini masih kurang jelas bagi menggambarkan apakah sebenarnya pusat sumber sekolah. Oleh itu Kassim Abas (1989) telah menjelaskannya sebagai “**tempat mengumpul dan menyebarkan maklumat di dalam sebuah bangunan khas yang diuruskan secara sistematik oleh kakitangan media yang profesional untuk memberi berbagai perkhidmatan bagi mempertingkatkan mutu pengajaran dan pembelajaran**”. Definisi ini dimantapkan lagi oleh A. Rahman M. Said (1992) sebagai “... **sebuah tempat yang di dalamnya terdapat berbagai bentuk dan jenis sumber yang membantu dan memperkukuhkan lagi segala gerak kerja pengajaran-pembelajaran**”.

Perkembangan semasa, ditambah lagi dengan terdapatnya berbagai media yang disediakan di dalam pusat sumber sekolah, Azman Larut (2005) menyatakan pusat sumber sekolah sebagai “**satu tempat terkumpulnya berbagai-bagai alat dan bahan media pendidikan yang**

dikelaskan, dikatalogkan, dan disusun atur bagi memudahkan pengguna. Ia juga adalah tempat untuk warga sekolah berkumpul, berunding, memilih, merencana, menerbit dan menggunakan alat pengajaran demi meningkatkan lagi proses pengajaran dan pembelajaran”. Sementara Mok (2008) merumuskan pusat sumber sekolah sebagai **“sebuah tempat yang mempunyai ruang kemudahan fizikal, koleksi bahan bercetak dan bukan cetak, serta dikendalikan oleh sebuah jawatankuasa pengurusan institusi pendidikan dengan tujuan menawarkan perkhidmatan pendidikan melalui usaha mengumpul, menyimpan dan menyebarkan sumber maklumat pendidikan, disamping menganjur aktiviti pengajaran dan pembelajaran”.**

Sebagai rumusan, pusat sumber sekolah adalah seperti apa yang didefinisikan oleh Bahagian Teknologi Pendidikan iaitu **“suatu tempat yang menyediakan perkhidmatan dan kemudahan serta koleksi bahan pengajaran dan pembelajaran yang diurus secara sistematik. Pusat sumber sekolah memberi maklumat, khidmat dan peluang bagi mengukuhkan kaedah dan pendekatan pengajaran dan pembelajaran untuk menguasai kemahiran bagi keperluan individu serta mempertingkatkan mutu pendidikan kearah pembentukan masyarakat berfikir, berilmu, gemar membaca, celik maklumat dan berdaya saing serta berupaya meraih kecemerlangan menerusi pendidikan sepanjang hayat”.**

Berpandukan kepada definisi ini, adakah benar pusat sumber sekolah berupaya memainkan peranannya yang sebenar lebih-lebih lagi berkaitan dengan pencapaian pelajar? Beberapa kajian telah dijalankan berkaitan dengan perkara ini. Md. Halil Yahya (2002) dalam kajiannya mendapati pusat sumber sekolah tidak dapat menjalankan peranannya yang berkesan dalam membentuk pelajar dalam pembelajarannya kerana ia tidak dapat membantu pelajar dalam meningkatkan pengetahuan dan kemahiran mereka dalam menggunakan pusat sumber sekolah menyebabkan ia tidak dapat digunakan dengan berkesan.

Masalah yang sama juga dilihat berlaku kepada guru sekolah bilamana Intan Azura Mokhtar dan Shaheen Majid (2005) mendapati guru-guru sekolah di Singapura kurang mendapat penjelasan akan peranan yang dimainkan oleh pusat sumber sekolah menyebabkan ianya tidak dapat digunakan dengan berkesan.

Kajian yang dijalankan di England dan Wales oleh Turner (2006) ke atas sekolah menengah persendirian mendapati kebanyakan pusat sumber sekolahnya tidak mempunyai stok buku yang terkini, tidak terurus dan juga tidak sesuai dengan keperluan pelajar.

Sebenarnya pengurusan pusat sumber sekolah telah dapat dilaksanakan dengan berkesan kerana pada tahun 1994 dalam 7th International Conference on New Technology telah melahirkan apa yang dikenali sebagai “Alexandria Declaration of Principles” yang telah mengenalpasti 10 prinsip untuk menghadapi cabaran infrastruktur maklumat global. Dengan adanya prinsip-prinsip ini, ia meletakkan kedudukan pusat sumber sekolah sebagai nukleus dalam persekitaran sekolah di mana pusat sumber sekolah boleh memainkan peranan sebagai penghubung kepada dunia maklumat. Konsep pusat sumber sekolah juga telah diperluas bila mana ia juga menyokong guru-guru dalam persediaan pengajaran. Pusat sumber sekolah boleh memainkan peranan penting dalam penyediaan persekitaran yang betul untuk pembelajaran secara bersendirian pelajar dan juga pembelajaran sepanjang hayat.

Namun ianya tidak berlaku sepertimana yang diharapkan jika dilihat kepada apa yang dikatakan oleh Ketua Pengarah Kementerian Pelajaran Malaysia, Datuk Rafie Mahat dalam ucap utamanya di dalam 31st Annual Conference of the International Association of School Librarianship” pada tahun 2002 bertajuk “School libraries for a knowledge society” menyatakan bahawa pusat sumber sekolah akan menjadi institusi yang amat penting di dalam persekitaran sekolah bagi tujuan melahirkan pelajar yang lengkap dengan pengetahuan dan

kemahiran untuk berjaya dalam masyarakat bermaklumat. Beliau juga telah menyatakan di Malaysia terdapat sebanyak 9,000 sekolah yang hampir semuanya telah mempunyai pusat sumber sekolah dalam berbagai saiz. Sebanyak 36% daripada pusat sumber sekolah ini ditadbir oleh guru perpustakaan yang telah menghadiri kursus pendek pengurusan pusat sumber sekolah, sementara 64% lagi tidak mempunyai sebarang kemahiran untuk mengurus pusat sumber sekolah.

Beliau juga mengakui kebanyakan pusat sumber sekolah telah tidak ditadbir dengan sempurna, tiada pentadbir profesional serta koleksi bahan yang tidak terkini. Perkara-perkara ini perlu diberi perhatian jika kita mahu pusat sumber sekolah menjadi “Regional Centres of Educational Excellence”.

Kajian yang lebih awal terhadap 4 sekolah di Selangor oleh Tiew dan Nik Asma (1997) mendapati buku sains dan teknologi di sekolah-sekolah tersebut berusia lebih dari 9 tahun dan hanya 1.1% diterbitkan pada tahun 1997. Walaupun sekolah-sekolah ini berada berdekatan dengan Multimedia Super Corridor, pelajarannya tidak didedahkan dengan sumber maklumat terkini. Oleh kerana berlaku kekurangan guru, guru perpustakaan juga terpaksa menjadi guru yang mengajar sepenuh masa.

Jika ini adalah masalah yang dihadapi oleh negara kita, ianya tidak pula berlaku di Amerika Syarikat. Kajian yang dijalankan menunjukkan penemuan yang amat berbeza bilamana terdapat hubungkait yang jelas antara pusat sumber sekolah dengan pencapaian pelajar. Lance, et. Al (1999) telah menjalankan kajian ke atas sekolah-sekolah di Alaska dan mereka dapati pencapaian pelajar meningkat bilamana pusat sumber sekolahnya diurus oleh pustakawan sepenuh masa yang berupaya mengendalikan pusat sumber sekolah dalam jangkamasa yang panjang dan pelajar didedahkan dengan kemahiran mencari maklumat.

Rodney, Lance dan Hamilton-Pennell (2003) dalam kajian yang dijalankan di Michigan mendapati apabila waktu penggunaan pusat sumber sekolah dipanjangkan dan stafnya menjalankan tugas dengan cara yang profesional seperti memotivasi pelajar, meningkatkan koleksi pusat sumber sekolah serta mengajar kemahiran maklumat, maka terdapat peningkatan yang ketara dalam pencapaian akademik pelajar.

Mereka juga terlibat dengan kajian yang sama pada tahun 2005 di Illinois dan terbukti terdapat peningkatan keputusan pelajar bila waktu penggunaan pusat sumber sekolah dilaksanakan dengan lebih fleksible dan terdapat staf yang mencukupi untuk mengendali perkhidmatan pusat sumber sekolah.

Melihat kepada hasil kajian yang dijalankan terdapat perbezaan yang ketara antara apa yang berlaku di negara kita dengan apa yang berlaku di Amerika Syarikat.

Namun apa yang dinyatakan oleh Brown (1994) memberi rumusan yang amat menarik iaitu **“You can leave school at 16 but you should not leave the library and all its connection because that is the continuing source of active rich participation in the human conversation”**.

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan

Penyelidikan merupakan satu bidang yang luas dan sentiasa berkembang dari semasa ke semasa. Sebahagian kemajuan yang dicapai adalah hasil dari pengkajian melalui penyelidikan yang dilakukan oleh pengkaji terdahulu. Sehubungan dengan itu, kaedah atau cara pengkajian yang tersendiri perlu digunakan bagi menghasilkan pemahaman yang lebih jelas.

3.2 Kajian terdahulu

Kajian terdahulu dilaksanakan untuk melihat hasil-hasil penyelidikan dan penulisan terdahulu berkaitan dengan penggunaan pusat sumber sekolah sebagai pemangkin kecemerlangan pelajar. Ini adalah kerana seorang pelajar tidak dapat menambah pengetahuan hanya dengan pembelajaran di dalam kelas sahaja tetapi hendaklah diperbanyakkan dan diperkukuhkan lagi dengan pembacaan dan penyiasatan sendiri (Landheer, 1957).

Untuk memudahkan pemahaman, analisa kajian terdahulu ini akan dibahagikan kepada beberapa bahagian iaitu:

3.2.1 Hubungan penggunaan pusat sumber sekolah dengan kemudahan fizikal.

Safiah (1990) menegaskan pusat sumber ialah infrastruktur yang penting di dalam usaha meningkatkan pmbacan. Ianya hendaklah boleh digunakan dengan penuh selesa oleh masyarakatnya pada bila-bila masa. Jesteru itu perlu ada kemudahan yang bersesuaian. Pendapat ini disokong oleh Kasim (1989) dan Stueart dan Roran (1993) yang berpendapat perabut yang sesuai seperti rak buku dan majalah, kaunter peminjaman, rak penyimpanan beg di luar pusat sumber, papan kenyataan dan ruang rujukan hendaklah diwujudkan untuk menarik lebih ramai pengguna ke pusat sumber. Penyediaan ruang rundingcara juga dicadangkan oleh Prytherch (1995).

Selain dari menyediakan kemudahan perabot, Shahaneem (1991) berpendapat cahaya yang terang dan udara yang bersih, kawasan sekitar yang menarik serta hiasan dalaman yang memberangsangkan juga dapat mempengaruhi penggunaan perpustakaan.

Lokasi dan juga kedudukan pusat sumber juga menyumbang faktor yang tersendiri dimana Mat Jizat (1983) di dalam penulisannya merumuskan bahawa pusat sumber yang sering menjadi tumpuan ramai ialah kedudukan bangunannya yang tersergam, kedudukannya yang strategik iaitu tidak jauh dan tersorok yang menyebabkan pelajar tawar hati untuk mengunjunginya. Beliau juga mencadangkan supaya pusat sumber diletakkan di aras bawah sekiranya bangunan sekolah bertingkat-tingkat.

Dengan ini dapatlah disimpulkan bahawa faktor kemudahan, hiasan, kelengkapan dan lokasi perpustakaan hendaklah dipertingkatkan manakala faktor lokasi hendaklah dikaji oleh pihak pengurusan sekolah sebelum menjadikan sesebuah ruang atau bangunan sebagai pusat sumber. Kesemua faktor ini perlu dipertimbangkan di dalam usaha meningkatkan jumlah kunjungan pelajar.

3.2.2 Hubungan penggunaan perpustakaan dengan koleksi dan penyusunan.

Palmer (1981) berpendapat penggunaan pusat sumber dipengaruhi oleh kepuasan hati penggunanya dan kemampuan pusat sumber di dalam menyediakan buku-buku yang dikehendaki dalam jangkamasa yang berpatutan.

Pendapat ini diperkemas lagi oleh Van House, Weil dan McClure (1990) yang menyatakan bahawa koleksi dan maklumat-maklumat dalam pusat sumber boleh menentukan tahap penggunaannya. Hal ini bersesuaian dengan pendapat ramai bahawa perpustakaan adalah sebahagian dari sumber maklumat semasa.

Malahan pusat sumber sepatutnya tidak hanya tertumpu kepada bahan buku sahaja. Pendapat ini disokong oleh Zaini (1988) yang menekankan penyediaan bahan-bahan tidak bercetak seperti audio visual.

Namun begitu koleksi yang pelbagai sahaja belum cukup memadai untuk menarik pelajar menggunakan pusat sumber. Ini kerana pihak pusat sumber harus memahami bagaimana koleksi itu dapat dimanfaatkan dengan baik atau tidak selain memastikan kesuaiannya dengan keperluan warga sekolah.

“It does not matter how many books you may have, but whether they are good or not” – Lucius Annaeus Seneca (3 B.C – 65 AD.), Epistolae Morale

Terdapat juga aspek lain yang turut memainkan peranannya di dalam mempengaruhi penggunaan pusat sumber. Penyusunan koleksi pusat sumber juga haruslah kemas, menarik dan mudah dicari. Malahan menurut penulisan Stuert dan Mohan (1993) penyusunan koleksi hendaklah mengikut piawaian atau standard rak-rak bacaan. Kata mereka lagi, ini akan lebih memudahkan proses pemilihan, peminjaman dan penyusunan semula koleksi tersebut.

Sebagai kesimpulannya jumlah koleksi, kesuaian koleksi dan cara penyusunannya akan mempengaruhi penggunaan pusat sumber. Oleh itu ,pengurusan pusat sumber hendaklah membuat penilaian yang bijak di dalam membuat pemilihan koleksi yang bersesuaian selain mampu mengimbangi jumlah koleksi dengan ruang yang ada. Malahan pihak pusat sumber digalakkan membuat penyusunan koleksi yang kreatif , menarik dan segar selaras dengan standard yang telah ditetapkan seperti mengikut skim penyusunan Dewey Decimal Classification. (DDC)

3.2.3 Hubungan penggunaan pusat sumber dengan kakitangan bertugas.

Sumbangan kakitangan yang bertugas di pusat sumber sama ada kakitangan professional ataupun sebaliknya amatlah besar di dalam menggalakkan penggunaannya oleh pelajar. Mereka akan bertugas membangunkan koleksi, menyusun koleksi dan menyelaras aktiviti – aktiviti utama pusat sumber selain melakukan promosi dan sebagainya. Sehubungan dengan itu petugas di pusat sumber hendaklah peka dan perihatin dengan keperluan penggunaanya (Spiller, 1991)

Selain daripada itu, Van House, Weil dan McClure (1990) menjelaskan tahap penggunaan pusat sumber turut bergantung bukan sahaja kepada kualiti perpustakaan tetapi juga merujuk kepada sejauh mana pustakawan membantu menyelesaikan masalah.

Malahan kemahiran teknikal dan kelayakan serta kemahiran kakitangan di dalam mengendalikan perkhidmatan seperti mikro computer dan perkhidmatan atas talian juga menjadi penyumbang kepada isu ini (Hernon dan McClure, 1987). Taylor (1982) di dalam penulisannya juga menegaskan seorang pustakawan itu hendaklah sentiasa

menghadiri latihan dan mestilah seorang yang berkelayakan untuk menguruskan pusat sumber serta hendaklah menjadi ahli perpustakaan yang professional .

Malahan menurut Van House dan Childer (1990), pustakawan hendaklah sentiasa ada untuk menolong pelajar mendapatkan buku dan juga bertindak sebagai penyelia jika ketiadaan guru.

Leeburger (1989) pula menyatakan pustakawan seharusnya menganjurkan aktiviti seperti menyediakan kursus untuk pengguna baru, tunjuk cara penyelidikan dan lain-lain aktiviti yang bertepatan dengan minat pelajar.

Dengan ini disimpulkan setiap pusat sumber hendaklah dikendalikan oleh pustakawan yang terlatih , mesra dan sentiasa dapat membantu pelajar untuk mendapatkan bahan bacaan atau rujukan yang dikehendaki. Ini perlu kerana pustakawan adalah aset yang berharga dan seterusnya menjadi tunjang kekuatan sesebuah pusat sumber terutamanya di dalam usaha meningkatkan penggunaan pusat sumber.

3.2.4 Hubungkait penggunaan pusat sumber dengan waktu operasi.

Yahya (1980) merumuskan bahawa waktu operasi yang singkat pada sebelah petang hari persekolahan menyebabkan pelajar tidak suka ke perpustakaan. Pendapat ini disokong oleh Van House dan Childer (1990) yang menegaskan bahawa perpustakaan hendaklah dibuka disepanjang masa persekolahan untuk membolehkan pelajar membuat rujukan dengan lebih selesa.

Sebagai kesimpulannya, pihak pengurusan pusat sumber hendaklah memberi lebih banyak masa kepada pelajar untuk mengunjungi perpustakaan. Waktu operasi pusat sumber yang singkat menjejaskan penumpuan pelajar yang sedang mengulangkaji ataupun yang sedang membuat kajian. Malahan situasi ini mengganggu mereka yang sedang dalam proses untuk mendapatkan bahan atau koleksi yang bersesuaian. Keadaan ini langsung tidak membantu perkembangan pembelajaran pelajar dan seterusnya akan menimbulkan sikap kecewa dan bosan.

3.3 Sumber Maklumat Kajian

Bagi kajian ini , seramai 350 sampel yang terdiri dari pelajar lelaki dan perempuan yang telah mendaftar pengajiannya di Universiti Teknologi MARA, Johor bagi sesi Disember – April 2010.

Borang soal selidik telah diedarkan kepada pelajar pada hari kedua Minggu Mesra Pelajar (MMS). Populasi kajian adalah berdasarkan 10% daripada jumlah pelajar . Cara pemilihan responden dibuat dengan menggunakan kaedah “Simple Random Sampling” (Sekaran, 1992). Hasilnya pihak kami telah menerima sebanyak 299 borang soal selidik.

3.4 Teknik Analisa Data

Data-data yang telah diperolehi dianalisis dengan teliti dengan semua maklumat di dalam borang soal selidik dikodkan dan inputnya dimasukkan ke dalam komputer. Semua data kemudiannya diproses dan dianalisis dengan menggunakan asas SPSS bagi mendapatkan hasil kajian kualitatif. Analisis ini juga bertujuan untuk mendapatkan:

3.4.1 Statistik *deskriptif*

- Ini diperlukan bagi menunjukkan butiran mengenai profil responden.
- 3.4.2 Statistik *Compare Means Independent-Sample t-test*
Ini diperlukan bagi melihat perbezaan di antara dua pembolehubah seperti jantina.
- 3.4.3 Statistik *Correlation Coefficients*
Ini diperlukan bagi menguji perhubungan yang signifikan di antara faktor-faktor yang mempengaruhi penggunaan perpustakaan.

BAB 4 HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

4.0 Pengenalan

Bahagian ini mengandungi analisa dan hasil kajian dari borang soal selidik yang telah diedarkan kepada responden. Bahagian ini juga akan membincangkan hasil penemuan yang diperolehi hasil dari keputusan borang soal selidik yang telah diperolehi. Daripada data yang dikumpul, penganalisaan data dibuat bagi mencapai objektif kajian iaitu:

- a. Mengetahui samada pusat sumber sekolah benar-benar membantu kecemerlangan pelajar di dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)
- b. Mengetahui kekerapan pelajar menggunakan Pusat Sumber Sekolah.
- c. Mengetahui kemudahan dan koleksi yang disediakan di Pusat Sumber Sekolah.
- d. Mengetahui masalah yang dihadapi oleh pelajar terhadap perkhidmatan yang disediakan.
- e. Mengenalpasti keperluan pegawai professional di dalam mengendalikan pusat sumber sekolah.

4.1. Interpretasi Hasil Kajian


Sebanyak 299 borang soal selidik telah diperolehi semula dengan peratusan sebanyak 85.43% berbanding sebanyak 350 soalselidik yang diedarkan. Pecahan mengikut jantina ialah 165 orang atau 55.6 peratus merupakan responden perempuan manakala 132 orang responden atau 44.4 peratus terdiri dari responden lelaki.

Butiran responden	Jumlah soalselidik diedarkan	Jumlah soalselidk diterima	Peratus
Sesi Dis- April 2010	350	299	85.43%


Jadual 1 : Peratusan maklumbalas soalselidik

Responden tertinggi datang dari sekolah biasa iaitu 132 orang atau 44.1 peratus. Manakala 107 orang responden atau 35.8% adalah dari sekolah bandar. Responden dari sekolah luar bandar adalah seramai 31 orang atau 10.4% manakala responden dari sekolah asrama penuh adalah sebanyak 26 orang atau 8.7 peratus .


Pembahagian mengikut negeri menunjukkan 168 responden atau 56.2 peratus adalah dari negeri Johor diikuti 49 orang responden responden atau 16.4 peratus dari Selangor, Negeri Sembilan sebanyak 24 orang responden atau 8 peratus dan Pahang sebanyak 20 orang responden 6.7 peratus. Hanya 0.03 peratus atau seorang (1) responden dari Sarawak.



Rajah 1: Responden mengikut gender




Rajah 2: Responden mengikut jenis sekolah



Rajah 3: Responden mengikut negeri

4.1.1 Peranan Pusat Sumber Sekolah di dalam membantu mendapatkan keputusan cemerlang di dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Seramai 32 orang responden atau 10.70 peratus amat bersetuju manakala 120 orang responden atau 40.10% bersetuju manakala 99 orang responden atau 33.10% setuju sedikit. 22 orang responden atau 7.40 peratus tidak bersetuju dan hanya 10 orang responden atau 3.30 peratus menyatakan amat tidak bersetuju. Daripada penyelidikan ini dapatlah disimpulkan bahawa sebanyak 83.9 peratus pelajar bersetuju dengan peranan pusat sumber sekolah di dalam membantu mencapai kejayaan yang cemerlang di dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Manakala hanya 6.1 peratus responden tidak melihat pusat sumber sekolah sebagai pemangkin kejayaan mereka di dalam SPM.




Rajah 4: Peranan pusat sumber di dalam membantu kecemerlangan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)

4.1.2 Waktu operasi pusat sumber sekolah di luar waktu pejabat.

Daripada soalselidik yang diperolehi 80.3 peratus responden menyatakan pusat sumber sekolah mereka dibuka pada waktu rehat, 18.7 peratus pada hari Sabtu dan Ahad dan hanya 14.7 peratus dibuka pada cuti sekolah. Sebagai kesimpulannya ada hubungan yang signifikan waktu operasi diluar waktu pejabat dengan kecemerlangan pelajar di dalam peperiksaan SPM. Pihak sekolah begitu peka di dalam memastikan pelajar mempunyai tempat yang kondusif untuk menelaah pelajaran sebagai persediaan menghadapi peperiksaan dengan tidak hanya membuka waktu operasi pusat sumbernya hanya pada waktu pejabat sahaja.

4.1.3 Guru memperuntukkan waktu kelas untuk ke pusat sumber sekolah.

Daripada soalselidik yang diperolehi, seramai 276 atau 93.0 peratus responden menyatakan guru mereka telah memperuntukkan waktu kelas untuk ke pusat sumber sekolah. Manakala hanya 21 responden atau 7.0 peratus menyatakan sebaliknya. Sebagai kesimpulannya terdapat hubungan yang signifikan diantara pengaruh penggunaan pusat sumber sekolah di dalam membantu kejayaan pelajar di dalam SPM. Ini dilihat dengan peranan pihak guru yang memperuntukkan waktu kelas untuk pelajar-pelajarnya mengunjungi pusat sumber sekolah. Ini secara tidak langsung memupuk minat pelajar dan seterusnya memastikan pusat sumber sekolah menjadi tempat untuk dikunjungi dan seterusnya pelajar boleh mengeksplorasi koleksi dan perkhidmatan yang disediakan untuk membantu usaha pelajar mencapai keputusan peperiksaan SPM.




4.1.4 Kemudahan pusat sumber sekolah

Terdapat hubungkait yang signifikan diantara pengaruh penggunaan pusat sumber dengan kemudahan yang dimiliki. Hasil soalselidik yang diperolehi mendapati sejumlah besar responden bersetuju dengan kemudahan yang dimiliki oleh pusat sumber masing-masing seperti memiliki jumlah kerusi dan meja yang mencukupi, memiliki kemudahan kipas angin mahupun penghawa dingin, kemudahan mesin fotokopi, bahan rujukan, alat pandang dengar, koleksi majalah dan surat khabar dan juga koleksi kertas soalan ujian atau peperiksaan.


4.1.5 Pustakawan bertugas mahir mencari bahan.

Seramai 32 orang responden atau 10.40 peratus menyatakan amat bersetuju pustakawan yang bertugas mahir mencari bahan yang dikehendaki pelajar manakala 68 orang responden atau 22.90 peratus bersetuju. Seramai 137 orang responden atau 46.10 peratus menyatakan setuju sedikit dan 42 orang responden atau 14.10 peratus menyatakan tidak setuju. Manakala hanya 19 orang responden atau 6.40 peratus amat tidak bersetuju. Sebagai kesimpulannya pihak sekolah telah memainkan peranan yang baik dengan hanya menempatkan pustakawan yang komited di dalam tugasannya. Pustakawan yang komited akan menarik minat pelajar mengunjungi pusat sumber sekolah. Ini secara tidak langsung membolehkan koleksi dan kemudahan yang ada digunakan dengan sebaiknya oleh pelajar. Malahan pustakawan yang komited akan sentiasa membantu pelajar di dalam membuat persediaan yang secukupnya untuk menduduki peperiksaan. Ini secara tidak langsung menunjukkan pusat sumber yang memiliki pustakawan yang bertugas telah memainkan peranannya yang baik di dalam membantu pelajar mencapai keputusan yang cemerlang di dalam peperiksaan SPM.




4.1.6 Pengurus (Ketua) memiliki kecekapan mengendalikan Pusat Sumber Sekolah

Seramai 35 orang responden atau 11.90 peratus menyatakan amat bersetuju pengurus (ketua) mereka memiliki kecekapan di dalam mengendalikan pusat sumber sekolah manakala 104 orang responden atau 35.40 peratus menyatakan bersetuju. Seramai 126 orang responden atau 42.90 peratus menyatakan setuju sedikit dan 24 orang responden atau 8.20 peratus menyatakan tidak setuju. Manakala hanya 5 orang responden atau 1.70 peratus amat tidak bersetuju. Sebagai kesimpulannya sebanyak 90.20 peratus responden menyatakan Pengurus (Ketua) yang bertugas di pusat sumber sekolah mereka memiliki kecekapan mengendalikan Pusat Sumber Sekolah. Manakala hanya 9.90 peratus responden menyatakan sebaliknya.




4.1.7 Pengurus (Ketua) memahami tugasnya didalam mengendalikan Pusat Sumber Sekolah

Seramai 64 orang responden atau 21.90 peratus menyatakan amat bersetuju pengurus (ketua) mereka memahami tugas mereka di dalam mengendalikan pusat sumber sekolah manakala 108 orang responden atau 37.00 peratus menyatakan bersetuju. Seramai 102 orang responden atau 34.90 peratus menyatakan setuju sedikit dan 16 orang responden atau 5.50 peratus menyatakan tidak setuju. Manakala hanya 2 orang responden atau 0.07 peratus amat tidak bersetuju. Sebagai kesimpulannya sebahagian besar responden atau 93.80 peratus bersetuju menyatakan Pengurus (Ketua) yang bertugas di pusat sumber sekolah mereka memahami tugasnya di dalam mengendalikan Pusat Sumber Sekolah. Manakala hanya 6.30 peratus responden menyatakan sebaliknya.



4.1.8 Pengurus (Ketua) pusat sumber sekolah sedia ada digantikan dengan pustakawan profesional sepenuh masa.

Seramai 213 orang responden atau 72.20 peratus bersetuju untuk menggantikan pengurus (Ketua) yang sedia ada dengan pustakawan profesional sepenuh masa. Manakala hanya 82 orang responden atau 27.80 peratus tidak bersetuju. Sebagai kesimpulannya sebahagian besar responden bersetuju dengan keperluan untuk menggantikan Pengurus (Ketua) yang bertugas di pusat sumber sekolah mereka dengan pustakawan profesional yang bertugas sepenuh masa. Keperluan ini dilihat signifikan agar pustakawan profesional yang dilantik mampu melaksanakan tugas mereka dengan fokus yang lebih jelas selaras dengan peranan pusat sumber yang dilihat semakin penting di dalam sistem pengajaran dan pembelajaran di sekolah.



BAB 5 CADANGAN KEPADA PUSAT SUMBER SEKOLAH

5.0 Pengenalan

Bab ini membincangkan hasil kajian penyelidikan dan hubungkaitnya dengan tindakan penambahbaikan yang perlu diambil oleh pihak sekolah dan Kementerian Pendidikan khususnya di dalam memastikan pusat sumber sekolah sentiasa menjadi lokasi kunjungan wajib bagi pelajar sekolah. Selain untuk memastikan peranannya di dalam membantu pencapaian keputusan yang cemerlang di dalam peperiksaan, ianya juga perlu sebagai langkah persediaan pelajar menjadi lebih berdikari apabila melanjutkan pelajaran di pusat pengajian tinggi sama ada dalam mahupun luar negara.

5.1 Cadangan kepada pusat sumber sekolah dan Kementerian Pendidikan.

Rata-rata responden telah bersetuju peranan yang diambil oleh pusat sumber sekolah di dalam membantu pelajar di dalam mencapai keputusan yang cemerlang di dalam peperiksaan khususnya peperiksaan SPM terutamanya dari aspek penyediaan kemudahan fizikal, koleksi, kakitangan yang bertugas, perkhidmatan yang disediakan dan juga lokasi pusat sumber tersebut.

Namun begitu masih ada ruang yang boleh diperbaiki. Ini perlu bagi memastikan kelangsungan perkhidmatan pusat sumber sekolah agar peranannya dilihat sama penting seperti peranan seorang guru. Diantara yang perlu dipertimbangkan ialah:

5.1.1 **Kedudukan Pusat sumber Sekolah**

Dalam usaha menarik lebih ramai pelajar mengunjungi pusat sumber sekolah, pihak sekolah hendaklah meletakkannya di lokasi yang mudah untuk dikunjungi. Terdapat hubungan yang signifikan diantara lokasi pusat sumber sekolah dengan jumlah kunjungan pelajar. Kajian mendapati terdapat pusat sumber sekolah yang terletak di tingkat 3 atau kedudukannya yang jauh dari bangunan kelas. Kedudukan seperti ini akan mengambil masa dan memעותkan pelajar dan guru. Malahan keadaan seperti ini dibimbangi akan menyebabkan guru tidak berminat untuk memberi laluan waktu kelas mereka untuk membenarkan pelajar ke pusat sumber sekolah kerana dibimbangi pelajar dan guru terlewat untuk menghadiri kelas seterusnya.

5.1.2 **Waktu operasi pusat sumber sekolah**

Pusat sumber sekolah hendaklah dibuka pada hari Sabtu dan Ahad dan juga pada musim cuti sekolah. Ini perlu bagi memastikan pelajar mempunyai tempat yang sesuai untuk dikunjungi dan seterusnya boleh menelaah pelajaran dengan lebih baik sebagai langkah persediaan mereka menghadapi peperiksaan. Ini perlu bagi mengelakkan pelajar mengunjungi lokasi atau tempat yang kurang berfaedah atau terjebak ke dalam gejala sosial. Secara tidak langsung juga, langkah ini akan mengurangkan kebimbangan ibu bapa atau penjaga. Bagi mengurangkan bebanan guru yang terpaksa bertugas pada cuti umum atau cuti sekolah, pihak Kementerian Pelajaran hendaklah mempertimbangkan pengambilan graduan lulusan pengurusan perpustakaan bagi menguruskan hal-ehwal perpustakaan dengan lebih baik.

4.1.3 **Koleksi perpustakaan**

Kajian mendapati sesetengah pusat sumber sekolah kurang memiliki koleksi yang terkini atau bertepatan dengan kehendak pelajar yang akan menduduki peperiksaan penting. Koleksi yang dimaksudkan antaranya ialah koleksi soalan ujian atau peperiksaan yang boleh dijadikan panduan untuk mereka membuat latihan tubi sebelum menghadapi peperiksaan. Bagi mengatasi masalah ini, pihak pusat sumber serta pihak sekolah hendaklah membuat penyemakan silibus dari masa ke semasa. Ini perlu bagi memastikan ada penggunaan bagi setiap pembelian koleksi yang dibuat.

4.1.4 **Kemudahan fizikal**

Kajian mendapati terdapat pusat sumber sekolah yang mengalami kekurangan dari aspek kemudahan fizikal seperti kerusi dan meja, komputer dan juga alat pandang dengar. Proses melengkapkan kemudahan fizikal memerlukan kos yang tinggi yang mungkin tidak terdapat di dalam peruntukan tahunan pihak sekolah. Justeru itu, sumbangan dari ibu bapa atau bekas pelajar boleh dipohon bagi mengatasi masalah seperti ini. Walaupun pendekatan ini mungkin tidak dapat menyelesaikan sepenuhnya masalah ini tetapi sekurang-kurangnya sebahagian masalah telah dapat diatasi dan seterusnya mengekang masalah pelajar hilang minat berkunjung ke pusat sumber sekolah.

4.1.5 **Pengambilan pustakawan profesional**

Kajian mendapati pusat sumber sekolah dikendalikan oleh guru yang telah dilantik sebagai guru pusat sumber. Kekangan untuk membahagikan tugas di antara mengajar dan mengendalikan pusat sumber dilihat sedikit sebanyak

menjejaskan tugas guru untuk mengendalikan pusat sumber dengan sempurna. Kekangan tugas juga menyebabkan pusat sumber tidak dapat dibuka pada cuti umum atau semasa cuti sekolah. Malahan kadangkala pusat sumber sekolah gagal dibuka dan ditutup mengikut waktu yang telah ditetapkan. Pengendalian koleksi terutamanya dari aspek pembelian dan penyusunan koleksi juga tidak menepati peraturan yang telah ditetapkan. Bagi mengatasi masalah ini, seorang pustakawan yang berkelayakan di dalam bidang pengurusan perpustakaan hendaklah dilantik secara khusus bagi menguruskan pusat sumber sekolah. Ini perlu bagi memastikan pustakawan yang dilantik akan dapat menguruskan pusat sumber sekolah dengan lebih baik.

BAB 6 CADANGAN UNTUK KAJIAN SETERUSNYA

Hasil penyelidikan telah dianalisa dan beberapa rumusan telah dikupas. Justeru itu beberapa cadangan untuk kajian seterusnya boleh dilaksanakan dengan meliputi beberapa aspek berikut:

- 5.1 Kajian akan datang perlu melibatkan semua sekolah yang berada di seluruh negara supaya dapatan kajian akan lebih menyeluruh.
- 5.2 Kajian akan datang perlu melibatkan pelajar yang telah menduduki peperiksaan seperti Peperiksaan UPSR, Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan Sijil Pelajaran Malaysia.
- 5.3 Selain dari pelajar sekolah, kajian akan datang perlu melibatkan pelajar yang sedang berada di pusat pengajian tinggi awam mahupun swasta.
- 5.4 Kajian juga boleh dibuat ke atas peranan pesaing kepada penggunaan pusat sumber sekolah seperti perpustakaan awam atau penggunaan internet dalam mendapatkan maklumat yang terkini.

BAB 6 KESIMPULAN

Pusat sumber sekolah telah memainkan peranan yang penting di dalam membantu sistem pengajaran guru dan pembelajaran pelajar. Dengan adanya pusat sumber sekolah, guru dapat menggunakan alat bantu mengajar yang akan membantu seorang guru menerangkan sesuatu hukum, konsep dan hujah dengan lebih berkesan. Pusat sumber sekolah juga membantu di dalam proses pembelajaran dengan menyediakan ruang, peralatan dan koleksi yang membantu pelajar memahami sesuatu subjek yang dipelajarinya dengan lebih baik sama ada di dalam waktu kelas atau di luar waktu kelas, secara bersendirian atau perbincangan bersama rakan di dalam kumpulan. Tanpa adanya pusat sumber, proses pengajaran dan pembelajaran mungkin tidak dapat mencapai matlamatnya dengan menyeluruh dan seterusnya akan menjejaskan kecemerlangan pelajar khususnya dan sekolah umumnya.

Bibliografi

Abd Rahman M. Said (1992). *Pendidik dan Pendidikan*.

Asiah Abu Samah (1976). Bahan bacaan kanak-kanak dan orang muda. Dewan Bahasa dan Pustaka, Februari.

Azman Larut (ed) (2005). *Panduan mengurus Pusat Sumber Sekolah*. KL: PTS.

Ee Ah Meng (1995). Pendidikan sebagai suatu proses asas pendidikan. Shah Alam, Penerbitan fajar Bakti Sdn.Bhd.

Halimah Badioze Zaman (1986). Kajian kes mengenai kecenderungan murid terhadap penggunaan perpustakaan sekolah. *Jurnal Pendidikan*. Ljd 10 & 11.

Halimah Badioze Zaman (1993). Pusat sumber sekolah: perancangan dan rekabentuk. Penerbit. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.

Hernon, P dan McClure C.R. (1987). *Unobstrusive testing and library reference service*. Morwood, New Jersey. Ablex Publishing.

Intan Azura Mokhtar and Majid, Shaheen (2005). Use of school libraries by teachers in Singapore school. *Library Review*. 54(2), 108-118.

Kasim Abbas (1989). *Pusat Sumber Sekolah: Struktur dan organisasi*. Kuala Lumpur. Utusan Publication.

Lance, Keith Curry, Rodney, Mercia J. and Hamilton-Pennell, Christine (2005). *Powerful libraries make powerful learners: the Illinois study*. Illinois: Illinois School Library Media Association.

Landheer, B. (1957). *Social function of libraries*. Scarerow Press, New York.

Leerburger, B.A (1989). *Promoting and marketing the library*. Revised edition. G.K. Hall and company, Boston.

Mat Jizat Abdul (1983). *Panduan mengurus perpustakaan: pemilihan, pesanan, peruntukan kewangan dan pengkatalogan*. Eastern Universities Press (M) Sdn. Bhd.

Md. Halil Yahya @ Yayah (2002). *Peranan pusat sumber sekolah dalam meningkatkan prestasi pelajar tingkatan empat aliran teknikal di lima buah sekolah menengah teknik di Negeri Perak: satu tinjauan dalam mata pelajaran kejuruteraan*. Skudai: UiTM.

Mok, Soon Sang (2008). *Pengurusan Pusat Sumber dan Perpustakaan*. Selangor: Penerbitan Multimedia.

Naina Mohamad Md.Noor et.al (1991). Tinjauan terhadap keberkesanan penggunaan perpustakaan Maktab Perguruan Sultan Abdul Halim. *Jurnal Pendidikan Guru, Bahagian Pendidikan Guru, Kementerian Pendidikan Malaysia*. Bil. 7

Palmer, E.S. (1981). The effect of distance of public library use. *Library Journal* No. 3 Hal: 3 15-354

Rafie Mahat, Datuk (2002). School libraries for a knowledge society. *Keynote speech at the 31st Annual Conference of the International Association of School Librarianship and the International Forum on Research in School Librarianship*. Petaling Jaya Malaysia, August 5-9.

Prytherch, R. (1995). *Harrord's librarians' glossary*. 8th.ed. Hartnolls Ltd. Bodmin.

Rodney, Mercia J., Lance, Keith Curry and Hamilton-Pennell, Christine (2003). *The impact of Michigan school librarians on academic achievement: kids who have libraries succeed*. Michigan: Library of Michigan.

Safiah Osman (1990). *Membaca:satu pengenalan*. Berita Publishing Sdn. Bhd.Kuala Lumpur.

Sekaran, Uma (1992) *Research methods for business: a skill building approach*, 2nd ed. John Wiley & Sons, Inc.

Shahaneem Hanoum (1991). Building a new generation of public libraries in Malaysia. Kertaskerja persidangan perancangan dan rekabentuk kemudahan maklumat, anjuran Kajian Sains Perpustakaan dan Maklumat, ITM.Kuala Lumpur pada 1-13 Mac.

Spiller, D.(1991). *Book selection: principles and practice*. 5th. Ed. Library Association, London.

Stueart, R.D. dan Moran, B.B (1993). *Library and information ceter management*. 4th.ed. Libraries Unlimited. Eaglewood.

Tiew, Wai Sin dan Nik Asma (1997). Analisi koleksi sains dan teknologi pusat sumber sekolah: Satu kajian di empat buah sekolah menengah di Negeri Selangor. *Sekitar Perpustakaan*, 11-21.

Turner, Richard (2006). The management of independent secondary school libraries in England and Wales: a literature review. *New Library World*, 107 (1230/1231), 499-511.

Van House, N.A dan Childers, T. (1990). Dimensions of public library effectiveness. *Library performance, LSIR* 12.

Wan Zakariah bin Wan Ismail. (1996).Pengaruh penggunaan pusat sumber perpustakaan sekolah di sekolah-sekolah menengah daerah Kota Bahru, Kelantan Darulnaim. Universiti Utara Malaysia, Kedah

Yahya Salleh (1980). Penggunaan perpustakaan di sekolah-sekolah menengah di daerah Maran, Pahang. Jabatan Sains Perpustakaan. M.P.I.K Kuala Lumpur.

Yushina Mansor dan Shahar Banun Jaafar (2004). *First COLLA Regional Workshoop*. Putrajaya, Malaysia, 28-29.

Zaini Shaarani (1988). Formulating a national policy forlibrary and information services. The Malaysian experience. *Technology in libraries and information centers*. Edited by Oli Mohamad. Pelanduk Publication.